

# Anwar tidak berhasrat bangunkan mercu banda sepanjang tempoh PM



ANWAR ketika berucap pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 'Membangun Malaysia Madani' di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada Selasa.

AZLAN ZAMBRY

**P**ERDANA Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** me-

negaskan beliau tidak berhasrat untuk membina sebuah lagi bangunan mercu tanda khusus sepanjang tempoh pentadbirannya sebaliknya menumpukan kepada aspek kemampanan pembangunan sesebuah bandar.

Jelas Anwar, beliau berpendapat Kuala Lumpur sudah memiliki cukup banyak bangunan mercu tanda dan tumpuan sebaliknya memfokuskan kepada membantu golongan penaja dan peniaga kecil-kecilan serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

“Saya menekankan perkara ini dan diharap nanti akan turut mendapat pandangan daripada rakan-rakan yang lain berkenaan

usaha kemampanan bandar.

“Saya kata dah cukup mercu tanda (PETRONAS) Twin Tower, Tun Razak Exchange (TRX) yang ada, saya tidak berhajat buat lagi mercu tanda.

“Zaman saya yang perlu kita fikir ialah menjana keupayaan kota, contoh daripada segi kebersihan, keindahan dan ruang kepada golongan penjaja dan warung yang cecah ratus ribu keseluruhan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 ‘Membangun Malaysia Madani’ di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada Selasa.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menzahirkan harapan agar syarikat besar dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC)

mengambil peranan terhadap pembangunan bandar yang mampan termasuk isu kebersihan gerai dan warung diusahakan peniaga atau penjaja.

“Saya berharap untuk mendirikan 30 hingga 40 gerai peniaga kecil yang bersih untuk memberi manfaat kepada warga miskin di ibu kota.

“Syarikat besar dan GLC perlu faham orientasi ini melalui CSR dan lain-lain bagi membantu isu ini. Namun, ada kelemahannya, gerai pasar Ramadan, ada ejen yang mengutip bayaran tidak munasabah.

“Sebab itu saya katakan rasuah itu melibatkan atasan ratus juta, yang bawah puluh ribu. Jadi bagaimana nak tangannya. Ia satu cabaran besar,” katanya.